



Majlis Bandaraya Johor Bahru

Pelan Pengurusan **RISIKO RASUAH**

Corruption Risk Management

MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

(CRM - MBJB)

TAHUN 2024-2028



www.mbjb.gov.my



Majlis Bandaraya Johor Bahru

PRAKATA

PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH /CRM adalah satu proses pengurusan yang membantu organisasi untuk mengenalpasti risiko-risiko rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan serta menyediakan pelan pengurusan risiko yang sistematik sehingga mewujudkan tadbir urus terbaik yang boleh menutup ruang peluang rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.

Justeru itu, penyediaan CRM yang sistematik dan bersifat holistik adalah perlu dalam usaha merangka strategi dan pendekatan bagi mencegah risiko perlakuan tersebut di MBJB.

Sejajar dengan matlamat tersebut, pemantauan dan usaha penambahbaikan akan dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan agenda integriti yang digariskan di bawah OACP MBJB 2024-2028 dan juga MS ISO 37001:2016 (ABMS).

Jutaan penghargaan ditujukan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan penerbitan CRM ini. Semoga dengan penerbitan CRM ini dapat dijadikan rujukan serta memberi panduan kepada semua Jabatan/ Bahagian di MBJB dalam usaha membanteras rasuah dan menambahbaik tatakelola di samping memartabatkan serta membudayakan integriti di pentadbiran ini.



Majlis Bandaraya Johor Bahru

KATA-KATA ALUAN **DATUK BANDAR**

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan salam Sejahtera,*

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T. dengan keizinannya MBJB berjaya membangunakan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah/ *Corruption Risk Management (CRM)* Plan yang komprehensif dan inklusif khusus untuk Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB).

Kesungguhan dan komitmen kerajan dalam memastikan ketelusan kualiti penyampaian perkhidmatan tidak pernah luntur. Sebaliknya dari musim ke musim akan ada agenda-agenda yang ditambahbaik dan juga baharu hasil daripada pelaksanaan dan pelan tindakan yang terdahulu.

Sesungguhnya MBJB akan sentiasa menyokong aspirasi kerajaan bagi memastikan Malaysia dikenali sebagai negara berINTEGRITI dan BEBAS RASUAH. Justeru CRM-MBJB yang telah dibangunkan secara kolektif ini perlu dilaksanakan dengan keteguhan tekad dan azam untuk membina warga kerja MBJB BERINTEGRITI dan BEBAS RASUAH tonggak DAYA TAHAN MBJB yang UNGGUL.

Sekalung budi penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam menyediakan Pelan CRM-MBJB ini. Semoga segala yang kita usahakan pada hari ini akan membentuk negara, penjawat awam dan masyarakat yang tegih ber INTEGRITI pada masa hadapan





Majlis Bandaraya Johor Bahru

KANDUNGAN

01

LATAR BELAKANG
MBJB

02

RASUAH

03

PELAN PENGURUSAN
RISIKO RASUAH

04

AGENDA ANTIRASUAH
MBJB

05

CRM-MBJB
2024-2028

06

LAMPIRAN

BAB 01

LATAR BELAKANG MBJB

1.1

Latar
Belakang
MBJB &
Visi dan Misi

1.2

Fungsi dan
Peranan

1.3

Motto
MBJB

1.4

Punca Kuasa
MBJB

1.5

Pihak
Berkepentingan
dan
Pelanggan
MBJB

1.6

Carta
Organisasi
MBJB

1.1



Majlis Bandaraya Johor Bahru

Latar Belakang


Johor Bahru dahulunya dikenali juga dengan panggilan Tanjung Puteri merupakan sebuah bandar yang mula dibuka pada tahun 1855 oleh Temenggung Ibrahim, kemudiannya telah mengisytiharkan Tanjung Puteri kepada Iskandar Puteri. Pada tahun 1866, Sultan Abu Bakar yang mengantikan Temenggung Ibrahim telah menukar nama Iskandar Puteri kepada Johor Bahru dan seterusnya menjadikan bandar ini sebagai pusat pentadbiran bagindamenggantikan Teluk Belangadi Singapura pada 1 Januari 1896. Sebagai sebuah pusat pentadbiran, pengurusan dan perkhidmatan bandar juga turut ditambah baik bersesuaian dengan perkembangan semasa. Ini dibuktikan apabila sebuah Lembaga Bandaran ditubuhkan pada tahun 1910.



Seterusnya pentadbiran Jabatan Lembaga Bandaran telah diubah kepada sistem Majlis Bandaran (Town Council) pada tahun 1956, yang membuka laluan ahli-ahli politik daripada pelbagai parti untuk turut serta dalam urusan pentadbiran bandar ini dan seterusnya pilihan raya pertama telah diadakan pada tahun tersebut. Pada tahun 1967, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor telah mengambil alih kuasa pentadbiran bandar Johor Bahru di bawah Seksyen 15 Enakmen Lembaga Bandaran (Bil. 118).

Rajah 1


Peta Kawasan Pentadbiran MBJB



Kerajaan telah menaik taraf bandar Johor Bahru kepada Majlis Perbandaran Johor Bahru dan telah memperluaskan kawasan pentadbiran daripada 64km² kepada 119.5km² pada 1 April 1977. Melihat kepadaperkembangan pesat yang telah dialami oleh bandar raya Johor Bahru, pada 1 Januari 1994, Kerajaan menerusi perisytiharan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Iskandar telah mengisytiharkan Majlis Perbandaran Johor Bahru kepada Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dalam majlis yang cukup bersejarah. Seiring dengan kenaikan taraf ini, MBJB telah diberi tanggungjawab untuk mengurus serta mentadbir kawasan yang lebih luas dan sehingga Disember 2015, kawasan pentadbiran MBJB adalah seluas 220km². Bermula 1 Januari 2016, kawasan pentadbiran MBJB telah diperluas kepada 391.25km².

Rajah 2

Perluasan Kawasan Pentadbiran MBJB





Majlis Bandaraya Johor Bahru



Visi

Memperkuuh Daya Tahan Johor Bahru Ke Arah Bandar Raya Bertaraf Antarabangsa, Berbudaya dan Lestari.

Misi


- Mengukuhkan peranan organisasi sebagai PEMACU dan PEMUDAH CARA STRATEGIK yang RESPONSIF terhadap perubahan untuk semua pihak berkepentingan.
- Memastikan PEMBANGUNAN BANDAR RAYA yang MAMPAN, SEJAHTERA dan MAKMUR serta TINGGI jati diri BUDAYA.
- Menyediakan SISTEM PENYAMPAIAN YANG CEKAP, TADBIR URUS BERKREDIBILITI TINGGI, PENGURUSAN SUMBER yang BERKESAN dan TEKNOLOGI BERINOVASI untuk manfaat warga bandar raya.

1.2

Fungsi & Peranan



Majlis Bandaraya Johor Bahru



1.3

Motto MBJB



Majlis Bandaraya Johor Bahru

MESRA

Warga kerja MBJB sentiasa mengamalkan sikap mesra, bersopan santun, senyum, bertimbang rasa, menyayangi dan menghormati.

BERKHIDMAT

Melaksanakan kerja, usaha serta kemudahan dalam menabur bakti untuk kepentingan bandar raya Johor Bahru.

BERBAKTI

Warga kerja MBJB sentiasa berusaha menyediakan perkhidmatan yang berkualiti untuk warga bandar raya Johor Bahru.

JUJUR

Ketulusan dan keikhlasan hati dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik demi kepentingan orang ramai.



1.4

Punca Kuasa MBJB



Majlis Bandaraya Johor Bahru

- Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)
- Akta Jalan, Parit, dan Bangunan 1974 (Akta 133)
- Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)
- Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333)
- Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757)
- Akta-akta lain yang digunakan oleh Majlis Bandaraya Johor Bahru
- Pekeliling-Pekeliling yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang ditimbalbalik kegunaannya oleh Majlis Bandaraya Johor Bahru.




- Undang-Undang Kecil yang telah digubal di bawah peruntukan akta.

- Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Majlis Bandaraya Johor Bahru.

1.5

Pihak Berkepentingan & Pelanggan MBJB



Kerajaan Negeri



Kerajaan Persekutuan



Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)



Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)



Warga Bandaraya Johor Bahru



SESI 2024/2025
Pelabur Luar dan Pihak Swasta



Agensi dan Badan Kerajaan



Ahli-Ahli Majlis




Majlis Bandaraya Johor Bahru

Carta Organisasi MBJB



Majlis Bandaraya Johor Bahru



BAB 02

RASUAH

2.1

Tafsiran
Rasuah

2.2

Bentuk-
Bentuk
Rasuah

2.3

Jenis
Kesalahan
Rasuah

2.4

Akta SPRM
2009
(AKTA 694)

2.5

Penalti Bagi
Kesalahan-
Kesalahan
Rasuah

2.1

Tafsiran Rasuah

Tafsiran

Rasuah ditafsirkan sebagai ‘melakukan sesuatu tindakan walhal mengetahui bahawa perbuatan yang dilakukan itu adalah salah, dan dilakukan dengan perasaan serta niat yang jahat’. Rasuah juga boleh didefinisikan sebagai ‘sengaja melakukan sesuatu tindakan yang ditegah oleh undang-undang’.


Pengertian

Istilah rasuah ini tidak terhad kepada pemberian atau penerimaan sesuatu bentuk suapan semata-mata tetapi ianya turut merangkumi penyalahgunaan kuasa, penyelewengan dan pemalsuan. Rasuah juga dikategorikan sebagai salah satu kesalahan atau pelanggaran integriti.

Akta 694

Ordinan No. 22 (Kuasa-Kuasa Perlu)
Darurat 1970 di bawah Seksyen 2 (2)

‘Apa-apa perbuatan oleh mana-mana Anggota Pentadbiran, Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Undangan Negeri atau mana-mana pegawai awam yang menggunakan kedudukan atau jawatan awamnya untuk faedah kewangannya atau untuk apa-apa faedahnya yang lain’.



Majlis Bandaraya Johor Bahru

2.2

Bentuk-Bentuk Rasuah



KENALI BENTUK SUAPAN (RASUAH)

#integritidijunjung



Majlis Bandaraya Johor Bahru



2.3

Jenis Kesalahan Rasuah



Majlis Bandaraya Johor Bahru

Berdasarkan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694), terdapat empat (4) kesalahan utama rasuah:

1 Seksyen 16 & 17 (a)

Mengambil /
Meminta/
Menerima rasuah

2 Seksyen 17 (b)

Menawar /
Memberi rasuah

3 Seksyen 18

Membuat /
Mengemukakan
tuntutan palsu

4 Seksyen 23

Salahguna
kedudukan /
jawatan oleh
pegawai awam

Akta SPRM 2009 (AKTA 694)



Majlis Bandaraya Johor Bahru

1) Mengambil / Meminta / Menerima Rasuah Kesalahan menerima suapan.

“16. mana-mana orang yang sendiriatau melalui atau bersama dengan mana-mana orang lain –

(a) secara rasuah meminta atau menerima atau bersetuju untuk menerima bagi dirinya atau bagi mana-mana orang lain; atau

(b) secara rasuah memberikan, menjanjikan atau menawarkan kepada mana-mana orang sama ada bagi faedah orang itu atau bagi faedah orang lain,

apa-apa suapan sebagai dorongan untuk atau upah bagi, atau selainnya oleh sebab –

(A) mana-mana orang melakukan atau tidak melakukan apa-apa jua berkenaan dengan apa-apa perkara atau transaksi, sama ada yang sebenar atau yang dicadangkan atau yang mungkin berlaku; atau

(B) mana-mana pegawai sesuatu badan awam melakukan atau tidak melakukan apa-apa jua berkenaan dengan apa-apa perkara atau

transaksi, sama ada yang sebenar atau yang dicadangkan atau yang mungkin berlaku, yang dengannya badanawam itu terlibat, melakukan suatu kesalahan.”



Majlis Bandaraya Johor Bahru

2.4

Akta SPRM 2009 (AKTA 694)



2) Menawar / Memberi Rasuah

Kesalahan memberi atau menerima suapanoleh ejen.

“17. Seseorang melakukan kesalahan jika –

(a)sebagai seorang ejen, dia secara rasuah menyetuju terima atau memperoleh, atau bersetuju untuk menyetuju terima atau cuba untuk memperoleh, daripada mana-mana orang, untuk dirinya sendiri atau untuk mana-mana orang lain, apa-apa suapan sebagai suatu dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan, atau kerana telah melakukan atau tidak melakukan, apa-apa perbuatan berhubungan dengan hal ehwal atau perniagaan prinsipalnya, atau kerana memberikan atau tidak memberikan sokongan atau tentangan kepada mana-mana orang berhubungan dengan hal ehwal atau perniagaan prinsipalnya; atau

(b)dia secara rasuah memberikan atau bersetuju untuk memberikan atau menawarkan apa-apa suapan kepada mana-mana ejen sebagai dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan, atau kerana telah melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan berhubungan dengan hal ehwal atau perniagaan prinsipalnya, atau bagi memberikan atau tidak memberikan sokongan atau tentangan kepada mana-mana orang berhubungan dengan hal ehwal atau perniagaan prinsipalnya.”

2.4



Majlis Bandaraya Johor Bahru

Akta SPRM 2009 (AKTA 694)



3) Membuat / mengemukakan tuntutan palsu

Kesalahan dengan maksuduntuk memperdayakan prinsipal oleh ejen.

“18. Seseorang melakukan kesalahan jika dia memberi seseorang ejen, atau sebagai seorang ejen dia menggunakan, dengan niat hendak memperdayakan prinsipalnya, apa-apa resit, akaun atau dokumen lain yang berkenaan dengannya principal itu mempunyai kepentingan, dan yang dia mempunyai sebabuntuk mempercayai mengandungi apa-apa pernyataan yang palsu atau silap atau tidak lengkap tentang apa-apa butir matan, dan yang dimaksudkan untuk mengelirukan prinsipalnya.”

2.4

Akta SPRM 2009 (AKTA 694)



Majlis Bandaraya Johor Bahru

4) Salah guna kedudukan / jawatan oleh pegawai awam

Kesalahan menggunakan jawatan atau kedudukan untuk suapan.

"23. (1) Mana-mana pegawaibadan awam yang menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk apa-apa suapan, sama ada bagi dirinya sendiri, saudaranya atau sekutunya, melakukan suatu kesalahan.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), seseorang pegawai badan awam hendaklah dianggap, sehingga akasnyadibuktikan, telah menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk apa-apa suapan, sama ada bagi dirinya sendiri, saudaranya atau sekutunya, apabila dia membuat apa-apa keputusan, atau mengambil apa-apa tindakan, berhubungan dengan apa-apa perkara yang mengenainya pegawai itu, atau mana- mana saudara atau sekutunya, mempunyai kepentingan, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

(3) Bagi mengelakkan keraguan, adalah diisyiharkan bahawa, bagi maksud subseksyen (1), mana-mana anggota pentadbiran sesuatu Negeri hendaklah disifatkan telah menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk suapan jika dia bertindak bertentangan dengan subseksyen 2(8) Jadual Kelapan kepada Perlembagaan Persekutuan atau peruntukan yang bersamaan dalam Perlembagaan atau Undang- Undang Tubuh Negeri itu.

(4) Seksyen ini tidaklah terpakai bagi seseorang pegawai yang memegang jawatan dalam sesuatu badan awam sebagai wakil suatu badan awam lain yang mempunyai kawalan atau kawalan separa atas badan awam yang mula-mula disebut itu berkenaan dengan apa-apa perkara atau benda yang dilakukan atas sifatnya sebagai wakil sedemikian bagi kepentingan atau faedah badan awam satu lagi itu."

2.5

Penalti Bagi Kesalahan-Kesalahan Rasuah

Penalti

“24. (1) Mana-manaorang yang melakukan kesalahan di bawah seksyen 16, 17, 20, 21, 22 dan 23 apabila disabitkan boleh –

(a)dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun; dan

(b) didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan yang menjadi hal perkara kesalahan itu jika suapan itu dapat dinilai atau berbentuk wang, atau sepuluh ribu ringgit, mengikut mana- mana yang lebih tinggi.

(2) Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah seksyen18 apabila disabitkan boleh –

(a)dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun; dan

(b) didenda tidak kurangdaripada lima kali ganda jumlah atau nilai butir matan yang palsu atau silapitu jika butir matan yang palsu atau silap itu dapat dinilai atau berbentuk wang, atau sepuluh ribu ringgit, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.”



Berdasarkan Akta SPRM 2009:

Penalti bagi kesalahan di bawah seksyen16, 17, 18, 20, 21, 22 dan 23



Majlis Bandaraya Johor Bahru

BAB 03

PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CRM)

3.1

Definisi
Risiko

3.2

Pengurusan
Risiko

3.3

Pengurusan
Risiko
Rasua (CRM)

3.4

Kepentingan
CRM

3.5

TUJUH (7)
Terma Rujukan
(TOR)

3.6

Pendekatan/
Kaedah
Kenal Pasti Risiko

3.7

Kategori
Risiko

3.8

Proses
CRM

3.9

Alat
Pengukuran
CRM

3.1



Majlis Bandaraya Johor Bahru

Definisi Risiko

Menurut ISO 30001 : 2009, risiko adalah ‘kesan ketidakpastian terhadap objektif’. Sesuatu risiko juga selalu disebut dalam terma peristiwa (event) atau keadaan (circumstances) dan diikuti dengan akibat. Risiko juga dinyatakan dalam terma akibat dan kebarangkalian.

Risiko rasuah pula dapat ditafsirkan sebagai kemungkinan atau kebarangkalian berlakunya rasuah dalam sesebuah organisasi.



3.2



Majlis Bandaraya Johor Bahru

Pengurusan Risiko

Pengurusan risiko didefinisikan sebagai penyelarasan aktiviti organisasi secara bersepadu melalui penetapan hala tuju dan kawalan dalam menghadapi risiko. Selain itu, pengurusan risiko merupakan rangka kerja dan proses yang membolehkan organisasi mengurus risiko dengan efektif, efisien, sistematik dan berterusan secara menyeluruh dalam konteks strategik, program, projek dan operasi serta penambahbaikan secara berterusan.



3.3

Pengurusan Risiko Rasuah (CRM)

Pengurusan Risiko Rasuah / Corruption Risk Management (CRM) adalah alat pengurusan (management tool) yang digunakan untuk menangani isu-isu risiko rasuah dengan menghasilkan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah dan mewujudkan sebuah sistem pengurusan yang bercirikan anti rasuah dan mendukung nilai integriti.

Ia juga merupakan satu proses sistematik yang dijalankan oleh sesebuah organisasi untuk mengenalpasti, menilai, dan mengurangkan risiko berlakunya amalan rasuah dalam aktiviti kerja seharian.

Tujuan utama pengurusan risiko rasuah adalah untuk memastikan bahawa sebarang potensi atau ancaman rasuah dapat dikesan dan dikendalikan sebelum ia menjadi isu lebih besar.



Majlis Bandaraya Johor Bahru

6
KOMPONEN CRM

- 1 Pengenapstian Risiko
- 2 Penilaian Risiko
- 3 Pelaksanaan Kawalan
- 4 Pelan Tindakan
- 5 Pemantauan dan Semakan
- 6 Latihan dan Kesedaran

3.4 Kepentingan CRM

2) Mengukuhkan Rangka Kerja

Pengurusan risiko melalui 'top-down approach' iaitu dengan menghubungkan risiko rasuah kepada matlamat atau objektif strategik organisasi, risiko rasuah diberikan keutamaan yang sama seperti risiko penting lain yang ada dalam organisasi.



Majlis Bandaraya Johor Bahru

3.5 TUJUH (7) Terma Rujukan (TOR) CRM



Majlis Bandaraya Johor Bahru



3.6 Pendekatan/Kaedah Kenal Pasti Risiko Rasuah



Majlis Bandaraya Johor Bahru



3.7 Kategori Risiko Rasuah



Majlis Bandaraya Johor Bahru





3.8 Proses CRM

Terdapat **10 PROSES CRM** yang perlu dilaksanakan oleh setiap organisasi bagi memastikan matlamat strategik organisasi perlu jelas sebelum proses penilaian risiko rasuah dilaksanakan.


Aktiviti serta proses kerja utama jabatan/ bahagian yang berkaitan dengan matlamat strategik perlu dikenalpasti agar ruang dan peluang berlakunya rasuah berkurangan.

Proses penilaian risiko rasuah adalah seperti di rajah 2



10 PROSES PENGURUSAN RISIKO RASUAH

Majlis Bandaraya Johor Bahru



Rajah 3

Proses Penilaian Risiko Rasuah

3.9 Alat Pengukuran CRM

Jadual 1: Parameter Impak Risiko (*Consequences*)



Majlis Bandaraya Johor Bahru

FAKTOR <i>(Factor)</i>	AKIBAT <i>(Consequences)</i>				
	TIDAK KETARA <i>(Insignificant)</i>	KECIL <i>(Minor)</i>	SEDERHANA <i>(Moderate)</i>	BESAR <i>(Major)</i>	MEMUSNAHKAN <i>(Catastrophic)</i>
	1	2	3	4	5
(A) IMEJ/REPUTASI <i>(Image/Reputation)</i>	Tidak menyokong, impak rendah, tidak menjadi berita	Menyokong, impak rendah	Menyokong, mengaibkan pada orang ramai, berita profil tinggi, tindakan pihak ketiga	Menyokong, mengaibkan pada orang ramai, berita profil tinggi, tindakan pihak ketiga	Menyokong, mengaibkan pada orang ramai, penyebaran meluas berita profil tinggi, tindakan pihak ketiga
(B) ADUAN AWAM <i>(Public Complaints)</i>	<5 per bulan	6-10 per bulan	11-20 per bulan	21-50 per bulan	>50 per bulan
(C) PERUNDANGAN/ PEMATUHAN <i>(Legal/Compliance)</i>	Denda minima	Denda sederhana	Denda banyak	Denda banyak, mungkin termasuk pertuduhan jenayah	Pemeriksaan rapi dan penyiasatan besar
(D) IMPAK RISIKO/ USAHA PENGURUSAN <i>(Risk Consequences/ Management Effort)</i>	Impak boleh diserap melalui aktiviti biasa/normal	Peristiwa yang merugikan yang mana boleh diserap melalui usaha pihak pengurusan	Perkara yang serius yang memerlukan usaha tambahan dari pengurusan	Peristiwa yang kritikal yang memerlukan usaha luar biasa dari pengurusan	Malapetaka yang berpotensi kepada kemusnahan/kejatuhan (collapse)

3.9 Alat Pengukuran CRM



Majlis Bandaraya Johor Bahru

Jadual 2: Parameter Kebangkalian (*Likelihood*)

PENERANGAN		PARAMETER KEBARANGKALIAN	
		KUALITATIF	KUANTITATIF
5	HAMPIR PASTI BERLAKU (<i>Almost Certain</i>)	Berkemungkinan berlaku setiap bulan	$\geq 95\%$
4	KEMUNGKINAN BERLAKU (<i>Likely</i>)	Berkemungkinan berlaku sekali dalam tempoh 3 bulan	$\geq 50\%$
3	SEDERHANA (<i>Moderate</i>)	Berkemungkinan berlaku sekali dalam tempoh 6 bulan	$\geq 25\%$
2	KEMUNGKINAN KECIL (<i>Unlikely</i>)	Berkemungkinan berlaku sekali dalam setahun	$\geq 5\%$
1	JARANG (<i>Rare</i>)	Kemungkinan berlaku sekali dalam tempoh lebih setahun atau belum pernah berlaku	<5%

3.9 Alat Pengukuran CRM



Majlis Bandaraya Johor Bahru

Jadual 3 : **Matrik Tahap Risiko**

IMPAK KEBARANGKALIAN	TIDAK KETARA (Insignificant)	KECIL (Minor)	SEDERHANA (Moderate)	BESAR (Major)	MEMUSNAHKAN (Catastrophic)
Hampir Pasti Berlaku (Almost Certain)	Signifikan (Significant)	Signifikan (Significant)	Tinggi (High)	Tinggi (High)	Tinggi (High)
Kemungkinan Berlaku (Likely)	Sederhana (Moderate)	Signifikan (Significant)	Signifikan (Significant)	Tinggi (High)	Tinggi (High)
Sederhana (Moderate)	Rendah (Low)	Sederhana (Moderate)	Signifikan (Significant)	Tinggi (High)	Tinggi (High)
Kemungkinan Kecil Berlaku (Unlikely)	Rendah (Low)	Rendah (Low)	Sederhana (Moderate)	Signifikan (Significant)	Tinggi (High)
Jarang (Rare)	Rendah (Low)	Rendah (Low)	Sederhana (Moderate)	Signifikan (Significant)	Signifikan (Significant)

3.9 Alat Pengukuran CRM



Majlis Bandaraya Johor Bahru

Jadual 4 : **Penarafan Risiko Rasuah**

INDIKASI (21-25)	PENARAFAN TINGGI (HIGH)	TAKRIFAN MEMERLUKAN TINDAKAN SEGERA. KOMITMEN DARI BADAN PENTADBIR / PIHAK PENGURUSAN ATASAN
(11-20)	SIGNIFIKAN (SIGNIFICANT)	MEMERLUKAN TINDAKAN SEGERA. KOMITMEN DARI PIHAK PENGURUSAN ATASAN ADALAH DIPERLUKAN.
(5-10)	SEDERHANA (MODERATE)	MEMERLUKAN TINDAKAN DARI BAHAGIAN YANG TERLIBAT. KOMITMEN DARI KETUA BAHAGIAN ADALAH DIPERLUKAN.
(1-4)	RENDAH (LOW)	TIADA TINDAKAN YANG DIPERLUKAN. KAWALAN SEDIAADA DAPAT MEMBENTERAS RISIKO TERSEBUT.

3.9 Alat Pengukuran CRM



Majlis Bandaraya Johor Bahru

Jadual 5 : Keberkesanan Kawalan

(i) Kenalpasti Kawalan Sedia Ada (existing control) dan Kawalan Tambahan (additional control)

Di dalam proses ini, kawalan sedia ada terhadap semua aktiviti yang dijalankan perlulah dikenalpasti. Sekiranya kawalan sedia ada kurang memberi impak yang berkesan, maka kawalan tambahan yang bersesuaian diperlukan bagi mengawal rasuah dari terus berlaku. Contohnya kawalan sedia ada adalah seperti akta, peraturan dalaman, Prosedur Operasi Seragam (SOP), pemantauan, dan lain-lain instrumen berkaitan yang bersesuaian.

(ii) Keberkesanan Kawalan Sedia ada (Control effectiveness)

Penilaian ke atas keberkesanan kawalan organisasi dalam menguruskan risiko tertentu selepas pertimbangan yang sewajarnya diberikan kepada faktor-faktor persekitaran luaran dan dalaman dengan sokongan sumber data luaran dan dalam. Keberkesanan diukur melalui 3 tahap iaitu berpuas hati (satisfactory), sedikit kelemahan (some weakness) dan lemah (weak). Penjelasan tahap

MEMUASKAN	KAWALAN SEDIA ADA, MANTAP DAN BEROPERASI DENGAN BETUL UNTUK MEMBERIKAN TAHAP YANG MUNASABAH BAGI MENJAMIN PENCAPAIAN OBJEKTIF.
ADA KELEMAHAN	SESETENGAH KAWALAN DIKENAL PASTI MEMPUNYAI KELEMAHAN/ KURANG EFISIEN. WALAU BAGAIMANAPUN, IANYA TIDAK MEMBAWA KEPADA RISIKO YANG SERIUS. PENAMBAHBAIKAN DIPERLUKAN UNTUK MENJAMIN PENCAPAIAN OBJEKTIF.
LEMAH	KAWALAN YANG ADA TIDAK MEMENUHI STANDARD YANG BOLEH DITERIMA KERANA WUJUD BANYAK KELEMAHAN/ TIDAK EFISIEN. KAWALAN TIDAK DAPAT MEMBERIKAN JAMINAN PENCAPAIAN.

3.9 Alat Pengukuran CRM



Majlis Bandaraya Johor Bahru

Jadual 6 : Pemantauan Risiko

(i) Tujuan Pemantauan

- Kemajuan penyediaan pelan pengurusan risiko rasuah
- Kemajuan pelaksanaan pelan pengurusan risiko rasuah
- Keberkesanan pelan pengurusan risiko rasuah
- Sama ada terdapat risiko rasuah yang baru (aktiviti/ proses kerja utama baru/ sedia ada)
- Perubahan taraf risiko kepada aktiviti/ proses kerja utama sedia ada (rendah ke tinggi)



**SIAPAYANGPERLU
MEMANTAU?**
Unit Integriti
Kementerian /
Jabatan / Agensi


Pemantauan Risiko

Contoh

**Belum
Bermula(22%)**

Selesai (33%)

Status Pelan Tindakan



3.9 Alat Pengukuran CRM



Majlis Bandaraya Johor Bahru


Jadual 7: Keberkesanan CRM

Beberapa kriteria perlu dipatuhi bagi melihat keberkesanan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah:

- Pelan pengurusan risiko rasuah perlulah dilaksanakan sepenuhnya.
- Tiada teguran dalam laporan audit berhubung aktiviti / proses berkaitan.
- Memuaskan hati staf / pelanggan.
- Tiada lagi aduan berhubung aktiviti / proses berkaitan.
- Pematuhan kepada pelaksanaan pelan pengurusan risiko rasuah.
- Sasaran tahap risiko tercapai (menurun).

PRINSIP TRUST (ABMS)

T	R	U	S	T
<p><i>Top Level Commitment</i> Komitmen Pengurusan Atasan</p> <p>Clause 5: LEADERSHIP</p>	<p><i>Risk Assessment</i> Analisa Risiko</p> <p>Clause 4,5: BRIBERY RISK ASSESSMENT</p>	<p><i>Undertake Control Measures</i> Pelaksanaan Langkah Kawalan</p> <p>Clause 6, 7 & 8: PLANNING, SUPPORT, OPERATION</p>	<p><i>Systematic Review, Monitoring & Enforcement</i> Pemantauan Penilaian & Penguatkuasaan Secara Sistematisik</p> <p>Clause 9, 10: PERFORMANCE EVALUATION, IMPROVEMENT</p>	<p><i>Training & Communication</i> Latihan & Komunikasi</p> <p>Clause 7.3, 7.4: AWARENESS & TRAINING, COMMUNICATION</p>



BAB 04

AGENDA ANTIRASUAH

MBJB

4.1

LIMA (5)
Punca
Utama
Rasuah

4.2

Isu dan
Cabar

4.3

Isu dan
Cabar
MBJB Dalam
Memerangi
Rasuah

4.4

Bidang-
bidang
Berisiko

4.5

Polisi
Antirasuah,
Integriti dan
Governans

4.1

LIMA (5) Punca Utama Rasuah



Majlis Bandaraya Johor Bahru

Punca utama rasuah adalah disebabkan oleh:

1

1) Kegagalan tadbir urus (manipulasi terhadap sistem dan prosedur).

2

2) Konflik kepentingan (kuasa budi bicara, kuasa mutlak, dan campur tangan pihak berkepentingan).

3

3) Kelemahan kawalan dalaman dan ketidakpatuhan (penyeliaan yang lemah).

4

4) Kurang kesedaran antirasuah.

5

5) Kadar keterhutangan yang serius.

4.2

Isu dan Cabaran

MBJB sangat komited dalam usaha membanteras rasuah sama ada dalam kalangan warga kerja atau pun pemegang taruh itu sendiri. Dalam usaha untuk membanteras dan menghapuskan rasuah dan salah guna kuasa, terdapat pelbagai isu dan cabaran yang perlu dihadapi bagi memastikan misi dan matlamat yang telah ditetapkan dapat dicapai.

Kerajaan Malaysia telah menunjukkan dengan jelas bahawa usaha untuk membanteras jenayah rasuah dan salah guna kuasa merupakan satu agenda nasional yang penting dan memerlukan perhatian yang serius.

Hal ini adalah kerana impak jenayah rasuah dan salah guna kuasa yang berlaku memberikan kesan negatif kepada negara kerana berkaitan kepercayaan rakyat dan pelabur terhadap kerajaan dan institusinya dalam menangani isu rasuah yang mana menjurus kepada kesan negatif kepada ketidakstabilan politik dan sosial.

Indeks Persepsi Rasuah / Corruption Perception Index (CPI) adalah penanda aras yang diterima pakai oleh negara atau global bagi mengukur persepsi masyarakat dunia berkenaan rasuah terhadap sesebuah negara. CPI merupakan indeks tahunan yang dikeluarkan oleh Transparency International, sebuah badan dunia yang akan menyenaraikan peratusan tinggi rendah sesebuah negara.

TAHUN	SKOR	RANKING
2019	53	51
2020	51	57
2021	48	62
2022	47	61
2023	50	57
2024	50	57

Berdasarkan jadual di atas, ianya jelas menunjukkan penurunan ketara sebanyak enam (6) mata dalam tempoh tiga (3) tahun. Ini bermaksud, jenayah rasuah dalam negara pada tahap yang membimbangkan.



Majlis Bandaraya Johor Bahru

4.3

Isu dan Cabaran MBJB Dalam Memerangi Rasuah

1) Kelemahan Penghayatan Etika Kerja

Etika Perkhidmatan Jabatan iaitu Mesra, Berkhidmat, Jujur, Berbakti sudah tidak lagi dijadikan panduan dan pedoman yang berguna kepada warga kerja.

2) Kelemahan Kawalan Dalaman

Keampuhan sistem kawalan dalaman sangat penting terutama dalam kalangan penyelia bagi memastikan warga kerja dapat menjalankan tugas dengan sempurna dan penuh berintegriti.

3) Pematuhan Yang Rendah

Perundungan dan prosedur yang digubal oleh Pengurusan Tertinggi tidak dijadikan sumber rujukan utama warga kerja dalam penyampaian perkhidmatan yang boleh memberi impak yang baik terhadap hasil jabatan.

4) Kesukaran Mengesan Pesalah

Perlakuan memberi dan menerima rasuah dalam kalangan warga kerja telah berubah seiring dengan kecanggihan teknologi dan sistem masa kini yang boleh mengaburi mata dalam usaha siasatan.

5) Sistem Penyampaian Perkhidmatan

Jabatan didapati sukar untuk menyediakan perkhidmatan yang dapat memenuhi jangka harap pelanggan dan luaran serta pemegang taruh kerana kurang kemahiran, pengetahuan, keupayaan dalam mematuhi perundungan serta peraturan.

6) Kelemahan Teknologi Maklumat

Penggunaan Teknologi Maklumat yang terkini masih belum diselaraskan seperti sistem DDMS dan Pendigitilan SOP Jabatan yang secara tidak langsung dapat meningkatkan hasil jabatan.

7) Hubungan Langsung Dengan Awam

Sistem kerja Jabatan yang menghendaki warga kerjanya untuk berurusan secara langsung dengan pelanggan dan pemegang taruh yang berurusan dengan Jabatan menjadikan hubungan yang akrab sehingga boleh menjelaskan etika kerja.

8) Penyalahgunaan Kuasa

Pegawai menyalah guna kuasanya dengan menyeleweng hasil Jabatan dan juga ada yang menggunakan nama syarikat individu lain bagi kerja- kerja yang ada di Jabatan.



Majlis Bandaraya Johor Bahru

4.4

Bidang-bidang Berisiko



Majlis Bandaraya Johor Bahru

STRATEGI: Merekayasa Pengamalan Tadbir Urus Yang Cemerlang

OBJEKTIF:

1. memperkuuh modal insan bagi pengurusan aduan untuk meningkatkan integriti
2. memperkasa tadbir urus dalam pengauditan untuk meningkatkan akauntabiliti
3. Memperkasa akauntabiliti dalam hal ehwal perundungan
4. Meningkatkan akauntabiliti dan integriti dalam pengurusan maklumat

STRATEGI: Memperkuuhkan Pengurusan Pentadbiran dan Modal Insan Mengikut Peraturan Dan Prosedur Yang Berkauat Kuasa

1. Memperkasa Perkhidmatan Awam Melalui Pembudayaan Berintegriti Oleh Modal Insan
2. Meningkatkan Mutu Pengurusan Dan Pentadbiran Melalui Penambahbaikan Proses Dan Prosedur Kerja

STRATEGI: Memantapkan Pengurusan Kewangan Mengikut peraturan dan Prosedur Yang Berkauatkuasa

OBJEKTIF:

1. Meningkatkan Ketelusan Perolehan Awam, Pengurangan Risiko Rasuah, Penyelewengan Pasaran dan Antipersaingan
2. Meningkatkan Integriti Pegawai Dalam Urusan Tuntutan Bayaran
3. Memperkasa Kawalan Dalaman Bagi Operasi Terima Bayaran

STRATEGI: Memantapkan Tadbir Urus Perkhidmatan Yang Disediakan Oleh Jabatan

OBJEKTIF:

1. Memperkuuhkan kecekapan tadbir urus terhadap perkhidmatan yang disediakan
2. Memperkasa integriti di kalangan anggota melalui kawalan dalaman

STRATEGI: Meningkatkan Kompetensi Pegawai dan Ketelusan Pentadbiran

OBJEKTIF:

1. Memperkasa integriti dalam pengurusan pembangunan
2. Memperluaskan Pelaksanaan Program Kesedaran Integriti
3. Memperkasa tadbir urus dalam pengurusan projek penswastaan
4. Mengawal Penyalahgunaan Kuasa dan Sumber di dalam proses kerja-kerja kejuruteraan
5. Meningkatkan integriti pegawai dalam proses operasi teknikal
6. Memperkuuh Pentadbiran Dengan Memfokuskan Kepada Pemantapan Integriti Warga
7. Memperluaskan Pelaksanaan Program Kesedaran Integriti dan Nilai-Nilai Murni


STRATEGI: Mengukuhkan Kecekapan, Ketelusan dan Integriti dalam Tindakan Penguatkuasaan

OBJEKTIF:

1. Mempertingkatkan integriti dalam tindakan penguatkuasaan
2. Memastikan Undang-Undang dan Peraturan MBJB dipatuhi
3. Memperkasa integriti dalam pengurusan pembangunan
4. Memperkasakan perlaksanaan peraturan dan prosedur kerja sedia ada

4.5


Polisi Antirasuah, Integriti dan Governans



DILULUSKAN OLEH:
JAWATANKUSA KEWANGAN DAN
PERKARA AM MBJ BIL. 5/2024 PADA
29 MEI 2024

DISAHKAN OLEH:
MAJLIS MESYUARAT PENUH MBJB BIL
5/2024 PADA 4 JUN 2024.

TARIKH KUATKUASA:
01 JANUARI 2024



PERNYATAAN POLISI ANTIRASUAH, INTEGRITI DAN GOVERNANS, MBJB

"Menjadikan setiap Warga Kerja MBJB membudayakan etika dan integriti dalam setiap tindakan dan keputusan dengan memperkuatkan ciri-ciri moral dan etika melalui penerapan nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh dan ditunjang oleh budi pekerti yang luhur".

Bagi memastikan Polisi Antirasuah, Integriti dan Governans MBJB ini berjaya, Sembilan (9) **Objektif** di bawah ini perlulah dipatuhi:

- (i) Kami di MBJB, berobjektif untuk membudayakan antirasuah, mengamalkan standard integriti tertinggi dan mengikuti tatakelola tadbir urus yang baik. Sehubungan dengan itu, kami amat komited untuk melaksanakan dan mengamalkan Sistem Pengurusan Anti Rasuah dalam menjalankan aktiviti kami serta perhubungan dengan pihak-pihak berkepentingan bagi memastikan segala ruang dan peluang rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa dapat ditangani dengan cekap dan berkesan;
- (ii) Polisi Antirasuah, Integriti dan Governans ini adalah bertepatan dan selaras dengan peruntukan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan lain-lain akta yang berkaitan serta keperluan perundangan domestik mahupun antarabangsa;
- (iii) Polisi ini juga bersesuaian dengan halatuju MBJB merangkumi visi, misi, pelan strategik dan aspirasi negara;
- (iv) Kami tertakluk kepada Kod Etika dan Polisi Antirasuah, Integriti dan Governans dalam urusan organisasi dan digunakan sebagai kerangka kerja dalam penetapan, penyemakan dan pencapaian objektif antirasuah;
- (v) Kami juga komited untuk memahami, mengamalkan dan mematuhi keperluan-keperluan di bawah Sistem Pengurusan Antirasuah;
- (vi) Melalui Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat, MBJB sentiasa memberi ruang kepada wargakerja dan pihak-pihak berkepentingan untuk melaporkan sebarang salah laku rasuah di dalam organisasi;
- (vii) Kami juga sentiasa melaksanakan penambahbaikan berterusan melalui Sistem Pengurusan Antirasuah (ISO 37001:2016) dari semasa ke semasa;
- (viii) Unit Integriti dan Pemodenan Pentadbiran adalah satu badan yang mempunyai kuasa dan bebas diwujudkan untuk memantau Sistem Pengurusan Antirasuah secara menyeluruh dan melaporkan kepada Badan Pentadbir dan Pihak Pengurusan Atasan.
- (ix) Kami juga bakal berdepan dengan tindakan tatatertib mahupun tindakan undang-undang yang sewajarnya sekiranya gagal mematuhi kepada Polisi Antirasuah, Integriti dan Governans ini.



Majlis Bandaraya Johor Bahru

BAB 05

PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CRM-MBJB)

5.1

CRM-MBJB

5.2

Tahap
Risiko Rasuah
MBJB

5.3

Daftar
Risiko Rasuah
MBJB
&
Pelan
Pengurusan
Risiko Rasuah

5.4

Ringkasan
Risiko Rasuah
MBJB

5.1

CRM-MBJB



Majlis Bandaraya Johor Bahru

Pelan CRM-MBJB ini terbina melalui proses: Taklimat Ringkas Penyediaan CRM, Bengkel Pembangunan OACP MBJB 2024-2028, Bengkel Pemurnisan dan Semakan data daripada Aktiviti Pembangunan ABMS MBJB MS ISO 37001:2016.

EG

K

E G

CRM01

Matlamat organisasi,
aktiviti/ proses kerja utama
& potensirisiko rasuah.

VISI

Membina warga kerja MBJB BERINTEGRITI dan BEBAS RASUAH tonggak DAYA TAHAN MBJB yang UNGGUL

MISI

- (i) Memastikan pembudayaan INTEGRITI WARGA KERJA pada tahap TERTINGGI melalui pelbagai agenda dan PELAN TINDAKAN
- (ii) Sentiasa membuat PENAMBAHBAIKAN TADBIR URUS MBJB melalui pemantauan pelaksanaan dan pematuhan ke atas KOD ETIKA, PIAGAM PELANGGAN, PROSES KERJA dan SISTEM yang digunakan.

MATLAMAT

Mempersiap organisasi dalam pembudayaan INTEGRITI secara TOTAL dalam PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN dengan MEMATUHI PERUNDANGAN yang digunakan disamping mengurangkan RUANG dan PELUANG berlakunya RASUAH dengan MEMPERKASA PEMODEGAN PENTADBIRAN dengan PENDIGITALAN PERKHIDMATAN melalui PROSES AUTOMASI PEROLEHAN dan PEMBAYARAN

5.1

CRM-MBJB



Majlis Bandaraya Johor Bahru

EG

K

E G

CRM01

Matlamat organisasi,
aktiviti/ proses kerja utama
& potensirisiko rasuah.

BIDANG KEUTAMAAN

TADBIR URUS

PENTADBIRAN &
SUMBER MANUSIA

PEROLEHAN &
KEWANGAN

OPERASI
(PERKHIDMATAN)

OPERASI
(TEKNIKAL)

OPERASI
(PENGUATKUASAAN)

STRATEGI

1. Merekayasa pengalaman tadbir urus yang cemerlang
2. Memperkuuhkan pengurusan pentadbiran dan modal insan mengikut peraturan dan prosedur yang berkuat kuasa
3. Memantapkan pengurusan kewangan mengikut peraturan dan prosedur yang berkuat kuasa
4. Memantapkan tadbir urus perkhidmatan yang disediakan oleh jabatan
5. Meningkatkan kompetensi pegawai dan ketelusan pentadbiran Mengukuhkan kecekapan, ketelusan dan integriti dalam tindakan penguatkuasaan

5.1

CRM-MBJB



Majlis Bandaraya Johor Bahru

BIDANG KEUTAMAAN	TADBIR URUS
STRATEGI 1	MEREKAYASA PENGALAMAN TADBIR URUS YANG CEMERLANG
OBJEKTIF STRATEGIK 1.1	Memperkuuh modal insan bagi pengurusan aduan untuk meningkatkan integriti
OBJEKTIF STRATEGIK 1.2	Memperkasa tadbir urus dalam pengauditan untuk meningkatkan akauntabiliti
OBJEKTIF STRATEGIK 1.3	Memperkasa akauntabiliti dalam hal ehwal perundangan
OBJEKTIF STRATEGIK 1.4	Meningkatkan akauntabiliti dan integriti dalam pengurusan maklumat

BIDANG KEUTAMAAN	PEROLEHAN DAN KEWANGAN
STRATEGI 3	MEMANTAPKAN PENGURUSAN KEWANGAN MENGIKUT PERATURAN DAN PROSEDUR YANG BERKUATKUASA
OBJEKTIF STRATEGIK 3.1	Meningkatkan Ketelusan Perolehan Awam, Pengurangan Risiko Rasuah, Penyelewengan Pasaran dan Antipersaingan
OBJEKTIF STRATEGIK 3.2	Meningkatkan Integriti Pegawai Dalam Urusan Tuntutan Bayaran
OBJEKTIF STRATEGIK 3.3	Memperkasa Kawalan Dalaman Bagi Operasi Terimaan Bayaran

BIDANG KEUTAMAAN	OPERASI (TEKNIKAL)
STRATEGI 5	MENINGKATKAN KOMPETENSI PEGAWAI DAN KETELUSAN PENTADBIRAN
OBJEKTIF STRATEGIK 5.1	Memperkasa integriti dalam pengurusan pembangunan
OBJEKTIF STRATEGIK 5.2	Memperluaskan pelaksanaan program kesedaran integriti
OBJEKTIF STRATEGIK 5.3	Memperkasa tadbir urus dalam pengurusan projek penswastaan
OBJEKTIF STRATEGIK 5.4	Mengawal penyalahgunaan kuasa dan sumber di dalam proses kerja-kerja kejuruteraan
OBJEKTIF STRATEGIK 5.5	Meningkatkan integriti pegawai dalam proses operasi teknikal
OBJEKTIF STRATEGIK 5.6	Meningkatkan integriti pegawai dalam proses operasi teknikal
OBJEKTIF STRATEGIK 5.7	Memperkuuh pentadbiran dengan memfokuskan kepada pemantapan

BIDANG KEUTAMAAN	OPERASI (PERKHIDMATAN)
STRATEGI 4	MEMANTAPKAN TADBIR URUS PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN OLEH JABATAN
OBJEKTIF STRATEGIK 4.1	Memperkuuhkan kecekapan tadbir urus terhadap perkhidmatan yang disediakan
OBJEKTIF STRATEGIK 4.2	Memperkasa integriti di kalangan anggota melalui kawalan dalaman

BIDANG KEUTAMAAN	OPERASI (PENGUATKUASAAN)
STRATEGI 6	MENGUKUHKAN KECEKAPAN, KETELUSAN DAN INTEGRITI DALAM TINDAKAN PENGUATKUASAAN
OBJEKTIF STRATEGIK 6.1	Mempertingkatkan integriti dalam tindakan penguatkuasaan
OBJEKTIF STRATEGIK 6.2	Memastikan undang-undang dan peraturan MBJB dipatuhi
OBJEKTIF STRATEGIK 6.3	Memperkasa integriti dalam pengurusan pembangunan
OBJEKTIF STRATEGIK 6.4	Memperkasakan perlaksanaan peraturan dan prosedur kerja sedia ada

STRATEGI 1-6

5.2

TAHAP RISIKO RASUAH MBJB



Majlis Bandaraya Johor Bahru

JUMLAH RISIKO	INDIKASI	PENARAFAN
0	(21-25)	TINGGI (HIGH)
4	(11-20)	SIGNIFIKAN (SIGNIFICANT)
60	(5-10)	SEDERHANA (MODERATE)
48	(1-4)	RENDAH (LOW)
112	JUMLAH KESELURUHAN RISIKO	

5.3

Daftar Risiko Rasuah MBJB



Majlis Bandaraya Johor Bahru

CRM02

DAFTAR RISIKO RASUAH

DAFTAR RISIKO

CRM 02

Risiko ID:	(Aktiviti/Proses kerja utama):
------------	--------------------------------

Tajuk Risiko: Negeri/Kementerian:
Penjelasan Risiko: Jabatan

Pemilik Risiko

Punca-Punca (Causes)	Akibat (Consequences)
----------------------	-----------------------

Kawalan Sedia Ada (Existing control)	Kawalan Tambahan/Pelan Tindakan dan TOR
--------------------------------------	---

Keberkesanan Kawalan Sedia Ada (Ctrl effectiveness)

Impak (Impact)	Kebarangkalian (likelihood)	Baki tahap risiko (residual risk)
----------------	-----------------------------	-----------------------------------

MBJB Menggunakan Format
Daftar Risiko rasuah sebagaimana
Borang CRM02

5.3



Majlis Bandaraya Johor Bahru

CRM03

PELAN PENGURUSAN
RISIKO RASUAH

Pelan Pengurusan Risiko Rasuah MBJB

CRM 03

RISIKO			RISIKO ID:	
Analisa Risiko	<input type="checkbox"/> Terkawal (controlable)	<input type="checkbox"/> Berterusan (On going)	Berkait dengan risiko lain?	
	<input type="checkbox"/> Tidak Terkawal (Uncontrolable)	<input type="checkbox"/> Sekali (Discrete)		
	<input type="checkbox"/> Gabungan (Combination)			
Strategi Menangani Risiko:		Kategori Risiko:		
<input type="checkbox"/> Hapus (Terminate) <input checked="" type="checkbox"/> Kurangkan (Reduce) <input type="checkbox"/> Terima (Accept) <input type="checkbox"/> Pindah (Pass on)		Pemilik Risiko:		
		Tarikh penilaian:	Tarikh penilaian berikut:	
Impak		Kebarangkalian		Tahap Risiko: (Baki Tahap Risiko)
Sasaran Impak:		Sasaran Kemungkinan:		Sasaran Tahap Risiko:
Tahap Tinggi Pelan Tindakan Untuk Dipertimbangkan		TOR	Tanggungjawab	
			Sasaran tarikh pelan tindakan terperinci	

MBJB Menggunakan Format Pelan Pengurusan Risiko Rasuah sebagaimana Borang CRM03

PROSES		PENILAIAN RISIKO					ANALISA 1 : (BERSIH) 24.09.2023				
Bahagian	ID Risiko	Risiko	Punca	Kesan (Lihat Impak)	Kawalan Sediaada	Keberkesanan	Dengan Kawalan			3.Taraf	
							3.1 Impak	3.2 Kebarangkalian			
1	Bhg. Pentadbiran, Jabatan Khidmat Pengurusan	<p>Kontraktor/Pembekal memberi habuan kepada Pegawai Penerima perolehan untuk membuat pengesahan dengan kadar segera:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) walaupun kuantiti diterima tidak sama dengan kuantiti yang dipesan; (ii) spesifikasi yang diterima tidak sama dengan spesifikasi yang dipesan; (iii) kemajuan kerja yang diterima tidak sama dengan kemajuan kerja yang dipesan; 	<ul style="list-style-type: none"> i. Kurang kawalan dokumen terperingkat ii. Pegawai kurang kompeten iii. Arahan daripada pihak atasan iv. Masalah keterhutangan yang serius v. Tawaran lumayan daripada pihak Kontraktor/Pembekal 	<p>Kesan kewangan/ kerugian >RM10K dan <100K</p> <p>Reputasi terjejas dan menimbulkan rasa tidak puashati pihak berkepentingan</p> <p>Reputasi terjejas dan menimbulkan rasa tidak puashati pihak berkepentingan</p>	<p>Ceraian 7.2.5</p> <ul style="list-style-type: none"> - Tidak boleh menerima hadiah - Boleh terima sehingga RM500 - Jawatankuasa Spesifikasi dan Jawatankuasa Penilaian adalah pegawai yang berbeza Arahan Keselamatan - Penggunaan Kulit Fail - Klasifikasi Fail <p>Portal Pekeliling Perbendaharaan (PPP) 2.10 PEMBELIAN TERUS (BEKALAN DAN PERKHIDMATAN)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Arahan daripada KJ - Semak Bajet - Dapatkan Minima 3 Sebut Harga (<RM50,000.00) - Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia bagi perolehan (>RM20,000.00 setahun) - Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi bekalan/perkhidmatan 	<p>Memuaskan</p> <p>Memuaskan</p> <p>Ada Kelemahan</p>	3K	1a	3		
	JKP						3R	1a	3		
	JKP						3R	2a	6		
	JKP	4	<ul style="list-style-type: none"> i. Memberi rasuah kepada Pengawal Keselamatan Swasta untuk memasuki premis bagi aktiviti yang terlarang ii. Memberi rasuah kepada Penyelia Keselamatan (MBJB) oleh Pengawal Keselamatan (Swasta) untuk membuat bayaran penuh walaupun kerja tidak mengikut syarat-syarat kerja 	<ul style="list-style-type: none"> i. Pengawal Keselamatan kurang berintegriti ii. Pengawal Keselamatan mengalami keterhutangan yang serius iii. Kurang pemantauan oleh Pegawai Atasan iv. Kekurangan peralatan keselamatan seperti cctv, sistem keselamatan 	<p>i. Reputasi MBJB terjejas</p> <p>ii. Kepercayaan orang awam berkurangan</p> <p>iii. Peruntukan bagi kerja-kerja penyelenggaran dan pemberian meningkat</p>	<p>Ceraian 7.2.5</p> <ul style="list-style-type: none"> - Tidak boleh menerima hadiah - Boleh terima sehingga RM500 <p>Akta Rahsia Rasmi 1972</p> <ul style="list-style-type: none"> - Tandatangan Akta 	Memuaskan	2I	2a	4	

5.4.1

Ringkasan

Risiko

Rasuah

MBJB



CRM04

RINGKASAN DAFTAR RISIKO RASUAH

	PROSES		PENILAIAN RISIKO					ANALISA 1 : (BERSIH) 24.09.2023				
	Bahagian	ID Risiko	Risiko	Punca	Kesan (Lihat Impak)	Kawalan Sediaada	Keberkesanan	Dengan Kawalan				
								3.1 Impak	3.2 Kebarangkalian	3.Taraf		
								1-Tidak Berkenaan 2-Kecil 3-Sederhana 4-Besar 5-Memudaratkan	(R) Reputasi (P) Prestasi (U) Undang-undang (S) Keselamatan (K) Kewangan (O) Operasi (i) Imej (k) Kewangan (p) Perundungan (o) Operasi	1-Jarang 2-Kemungkinan Berlaku 3-Berkemungkinan 4-Hampir Pasti Berlaku 5-Pasti Berlaku	(a) Kuantitatif - % (b) Kualitatif - Kekerapan	01-04: Rendah 05-10: Sederhana 11-20: Tinggi 21-25: Sangat Tinggi
